

Kampung Iboi  
sekali lagi dilanda  
banjir, kepala air



# Kejadian kedua selang 3 minggu selepas tragedi awal bulan lalu

Oleh M Hifzuddin Ikhsan,  
Zuliaty Zulkiffli  
dan Safuri Kamarudin  
bhnews@bh.com.my

**Baling:** Kejadian banjir dan kepala air sekali lagi melanda Kampung Iboi, Kupang, di sini selepas hujan lebat hampir tiga jam, petang kelmarin sehingga mencecutkan rasa cemas penduduk.

La adalah kejadian banjir kedua selang tiga minggu selepas tragedi yang meragut tiga nyawa, termasuk seorang wanita hamil empat bulan dan memusnahkan puluhan kediaman di daerah itu, awal bulan ini.

Dalam kejadian kelmarin, hujan lebat bermula kira-kira jam 2 petang dan berterusan selama tiga jam menyebabkan air Sungai Kupang melimpah sehingga penduduk yang tinggal berdekatan tebing sungai terpaksa menyelamatkan diri dan berpindah.

Air sungai berkenaan dilaporkan mengalir deras selepas dipercayai melimpah dari Gunung Inas, menyebabkan pihak polis mengarahkan laluan di Jambatan Bailey di perkampungan itu ditutup.

Ketua Polis Daerah Baling, Superintendan Shamsudin Mamat, berkata hujan lebat menga-

kibatkan air di Sungai Kupang mengalir dengan laju.

Bagaimanapun katanya, kejadian kali ini tidak seperti kejadian kepala air dan banjir lumpur yang berlaku pada 4 Julai lalu yang membawa bongkah kayu serta ranting pokok.

“Ketika kejadian, tiga mangsa dari satu keluarga yang tinggal berhampiran sungai diarahkan keluar dari rumah kerana dibimbangi keselamatan mereka,” katanya.

## Bimbang keselamatan

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Iboi, Nor Mohamad Husain, 60, berkata dia sangat bimbang mengenai keselamatan penduduk kampung yang berkumpul melihat kejadian itu.

Katanya, keadaan arus sungai yang deras berombak dan bergulung itu dapat dilihat apabila hujan berpanjangan.

“Mujur air deras ini hanya bawa pasir sahaja, jika ada kayu besar saya bimbang Jambatan Bailey ini runtuh. Dalam masa yang sama, tidak mustahil air boleh melimpah masuk ke rumah penduduk berdekatan.

“Orang ramai panik dan cemas selepas kejadian banjir dan kepala air pada 4 Julai lalu, kami hidup dalam ketakutan selagi kolam takungan air untuk projek Ladang durian Musang King tidak dimusnahkan.

“Saya berharap kerajaan negeri mendengar rintihan kami, kejadian ini sudah beberapa kali berlaku sejak 4 Julai lalu dan kejadian kali ini arus sungai agak

deras, ramai yang masih trauma dan bimbang kolam takungan di puncak gunung pecah, kami tidak mahu menerima padah kali kedua,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

## Satu PPS dibuka

Penghulu Mukim Kupang, Badrul Hisham Che Li, pula berkata antara kampung terjejas kali ini ialah Kampung Iboi, Lata Chelak, Padang Empang, Masjid Iboi, Bendang Padang, Bendang Bechah, Jerai, Hangus dan Bukit Hijau membabitkan 300 penduduk daripada 75 keluarga.

Satu pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka dan sehingga jam 5 petang semalam seramai 58 mangsa daripada 19 keluarga masih berada di PPS Dewan Terbuka Kampung Padang Empang, Kupang.

“Ada juga penduduk yang berpindah ke rumah jiran dan air hanya masuk paras 0.5 meter sahaja dan surut sejam kemudian,” katanya.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, sebelum ini berkata secara keseluruhan kejadian banjir dan kepala air yang berlaku pada 4 Julai lalu di Baling menjejaskan 627 mangsa daripada 12 kampung.

Siasatan awal Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) mendapati satu kolam takungan bagi projek durian Musang King di puncak Gunung Inas di daerah itu pecah.

Projek itu adalah usaha sama antara Menteri Besar Incorporated (MBI) dengan Aman Mega Sdn Bhd yang berkaitan dengan

Kejadian banjir dan kepala air melanda Kampung Iboi, Kupang, Baling, petang kelmarin.  
(Foto ihsan pembaca)



Seramai 58 mangsa masih berada di PPS Dewan Terbuka Kampung Padang Empang, Kupang.  
(Foto Daniaal Saad/BH)

syarikat pemaju ECK Development Sdn Bhd.

Laporan penuh siasatan banjir itu dijangka akan siap selawat-lewatnya 4 Ogos ini.

Muhammad Sanusi kelmarin turut mengumumkan dua Empangan Sabo akan dibina di kaki Gunung Inas yang akan berfungsi memperlancarkan aliran air dan menyekat kayu dan batu daripada menghilir apabila

berlaku aliran deras ke kawasan penduduk.

Katanya, Empangan Sabo akan membantu dalam mengelak kemusnahan besar kepada kawasan di bawah seperti yang terjadi dalam tragedi banjir dan kepala air bulan lalu.

Kos pembinaan sebuah Empangan Sabo di kawasan itu dijangka menelan belanja kira-kira RM40 juta.